

Landskap ‘Sensational Infinity’ di Bandar Baru Darul Aman

‘Sensational Infinity’ Landscape at the
New Town of Darul Aman

Atila Khazali

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Intan Khasumarlina Mohd Khalid

Universiti Pendidikan Sultan Idris

intan@fskik.upsi.edu.my

Harozila Ramli

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Zainuddin Abidin Hazir

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kualiti persekitaran yang baik amat penting dalam menjamin kesihatan dan kedamaian hidup manusia khususnya masyarakat yang tingal di Bandar Baru Darulaman, Jitra, Kedah. Dalam konteks ini, keadaan persekitaran taman rekreasi yang terletak di pertengahan kawasan perumahan awam bukan sekadar mempengaruhi kualiti persekitaran kawasan tersebut dalam aspek kesihatan, ekonomi dan aktiviti sosial bahkan berperanan sebagai penanda kawasan sesebuah negeri dan negara. Rentetan itu, satu cadangan reka bentuk landskap bertemakan Taman Penyembuhan di Bandar Baru Darulaman Jitra, Kedah diusulkan sebagai satu kawasan rekreasi yang menyediakan ruang-ruang yang lebih selesa untuk aktiviti santai dan alternatif mengurangkan tekanan kepada masyarakat. Satu siri proses mereka bentuk dibuat secara sistematis bagi membangunkan sebuah Taman Penyembuhan yang berjaya. Dokumen yang lengkap disediakan sebelum melaksanakan kerja-kerja pembinaan taman. Dalam konteks ini, taman penyembuhan direka dengan kombinasi unsur landskap kejur dan landskap lembut yang mempunyai nilai dan sifat penyembuhan serta mampu meransang deria bau, pandangan, sentuhan, rasa dan pendengaran manusia secara maksimum dan infiniti. Gabungan rasa ketenangan unsur air dan ciri tumbuhan dengan variasi serta sensasi bau seperti herba merupakan kriteria penting bagi sesebuah taman penyembuhan. Reka bentuk taman penyembuhan diilhamkan berdasarkan nilai serta konsepsi tradisional Melayu sebagai usaha mempromosikan identiti Malaysia.

Kata Kunci taman penyembuhan, konsep tradisional Melayu, *sensational infinity*

Abstract

Restorative environments are required to ensure health and better quality life of the community near Bandar Baru Darulaman, Jitra Kedah. Environments on recreational park placed in the middle of housing areas significantly affect the surrounding communities as it often provides health, economic, social event as well as state and country landmark. A Healing Garden is proposed at the Bandar Baru Darulaman Jitra, Kedah to provide the community with a place to relax and reduce their stress. A series of designing processes need to be systematically followed in order to develop a successful Healing Garden. Before commencement of any construction, proper document must be prepared. The garden should have hardscape and softscape elements with healing benefits including fragrance, sound, outlook, touch and taste. The soothing effects of water, trees and herbal plants would be essential in a healing garden. The garden is a place to relax and experience outdoor healing treatment with nature. The healing ideas are Malay traditional concept designed to highlight the values and identity of Malaysia.

Keywords healing garden, traditional Malay concept, sensational infinity

PENGENALAN

Kajian reka bentuk landskap dijalankan di kawasan tasik Bandar Baru Darul Aman dengan keluasan 96 ekar. Kawasan ini terletak satu kilometer dari bandar Darul Aman dan bersebelahan Darul Aman Golf Resort dan merupakan antara daya tarikan yang terdapat di daerah Kubang Pasu. Taman ini mempunyai tasik berkeluasan 36 ekar dan turut menyediakan trek pejalan kaki sepanjang 2.4 km. Kawasan ini dikunjungi penduduk tempatan untuk tujuan beriadah seperti bersenam, berkelah, memancing dan bergambar.

Kawasan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu darat dan air dalam perimeter yang besar. Walau bagaimanapun skop penganjuran aktiviti di kawasan ini dilihat tidak relevan dengan keluasan kawasan selain memiliki reka bentuk landskap kejur *hardscape* yang bersifat *adhoc*, iaitu mengikut kehendak pengguna lantas mengakibatkan ketiadaan identiti unik. Hampir semua elemen landskap buatan manusia yang dibina di dalam kawasan rekreasi ini jelas mempunyai persamaan reka bentuk taman rekreasi sekitar bandar namun bersifat minimum dan lemah dalam menampilkan identiti tersendiri. Aktiviti penyelenggaraan aspek keselamatan, kebersihan dan keindahan taman bertambah meleset apabila kawasan ini yang dahulunya dipegang oleh Majlis Daerah Kubang Pasu diambil alih oleh Syarikat Darulaman Realty Sdn. Bhd. sejak tahun 2002.

Isu Kajian

Pembangunan kawasan rekreasi pada masa kini menunjukkan suatu perubahan besar, daripada menyediakan ruang untuk aktiviti rekreasi kepada pelancongan domestik dan antarabangsa kerana kemampuannya untuk menyokong pembangunan industri pelancongan negara (Mohd Kher *et al.*, 2009).

Perubahan yang berlaku itu telah mewujudkan dua jenis landskap taman rekreasi, iaitu landskap semulajadi dan landskap buatan manusia pada skala yang agak besar. Perubahan ini dikaitkan dengan kadar penggunaan pelancong terhadap kemudahan tersebut (Roshanim & Fazidah, 2008). Oleh itu, pembangunan kawasan taman rekreasi perlu kepada pendekatan lestari bagi membolehkan kedua-dua jenis landskap tersebut dapat disepadukan dan menjamin keharmoniannya. Seterusnya, usaha bagi mengenalpasti elemen-elemen penting ke arah reka bentuk harmoni, tema dan garis panduan reka bentuk yang menyumbang kepada peningkatan pengalaman pengunjung, kualiti visual dan kelestarian kawasan taman rekreasi perlu dititik beratkan dengan serius (Mohd Kher *et al.*, 2009). Malahan, kawasan ini juga wajar mempunyai pelan perancangan pembangunan landskap keseluruhan kawasan dengan memberi pertimbangan kepada persekitaran, ekologi dan sosial serta perlu dilakukan secara terkawal dan terancang agar kemusnahan persekitaran dapat dikurangkan (Ceballos-Lascurain, 2001).

Di Malaysia, pembangunan landskap taman rekreasi pada masa kini juga ada kaitannya dengan kempen Tahun Melawat Malaysia Pertama pada Tahun 1990. Kempen ini yang menggalakkan masyarakat untuk menghargai kawasan rekreasi dan pelancongan telah menarik minat ramai pelancong dari dalam negara dan luar negara untuk datang ke kawasan rekreasi. Kepesatan pembangunan yang dialami oleh kawasan rekreasi di Malaysia, menyebabkan sesetengah kawasan rekreasi diserahkan kepada pihak lain untuk diurus dan dibangunkan seperti pihak pelancongan negeri dan pihak berkuasa tempatan (Mohd Kher *et al.*, 2009).

Sebagai contoh, di negeri Kedah terdapat Taman Rekreasi Tasik Darulaman yang dikendalikan oleh Majlis Daerah Kubang Pasu dan Darulaman Realty Sdn. Bhd. Kini, terdapat dua pihak yang terlibat di dalam mengurus dan membangunkan kawasan rekreasi ini, iaitu pihak berkuasa tempatan dan swasta. Senario di mana pengurusan taman rekreasi terbahagi kepada dua pihak menyebabkan pembangunannya lebih mengutamakan sumber pendapatan bagi mengurus, dan juga keuntungan berbanding meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan taman dan pemuliharaan persekitaran. Penekanan ini tidak selari dengan matlamat asal pembinaanya iaitu untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya peranan tumbuhan dalam pemuliharaan alam sekitar dan kehidupan sejagat. Secara tidak langsung, penglibatan pelbagai pihak di dalam sistem pengurusan kawasan rekreasi telah memberi kesan ke atas kelestarian kawasan ini termasuk landskapnya yang merujuk kepada flora dan fauna, elemen buatan manusia, perancangan, pembangunan, pengurusan, penyelenggaraan dan sosio budaya.

Keadaan ini timbul disebabkan oleh dua isu utama iaitu isu pembangunan yang tidak terancang dan isu pengurusan atau penyelenggaraan yang kurang baik. Isu-isu tersebut telah menyebabkan beberapa bahagian kawasan rekreasi mengalami kegagalan dan terbiar kerana kekurangan pengunjung dan tidak mendapat sokongan masyarakat setempat selain tersasar daripada matlamat asal pembinaannya. Dalam konteks ini terdapat beberapa masalah yang didapati hasil kajian lapangan yang dijalankan di tapak kajian.

Tujuan dan Objektif Kajian

Menyelesaikan masalah taman rekreasi yang kurang membangun akibat masalah yang disenarai dengan menyuntik tema landskap tertentu. Tapak projek berkeluasan 96 ekar wajar dibangunkan sebagai projek yang memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa khususnya dalam aspek kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar selain tujuan komersil. Pembangunan projek reka bentuk landskap adalah relevan dalam usaha mempromosi negeri Kedah sebagai salah satu pusat ekopelancongan setanding dengan pembangunan yang berlaku di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur sekali gus menyokong teras tiga Dasar Landskap Negara (DLN) iaitu Membangunkan Program Pembangunan Landskap bagi Penyediaan Infrastruktur Hijau yang Berfungsi dan Mampan selari dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020. Kajian yang dijalankan bertujuan memajukan kawasan ini sebagai taman rekreasi beridentiti dengan membawa Tema *Healing Garden* atau Taman Penyembuhan. Reka bentuk taman menerapkan konsep *Sensational Infinity* yang ditentukan berdasarkan elemen *hard scape* dan *soft scape* terpilih.

- i. Mengenal pasti dan mengesahkan permasalahan yang berlaku di tapak projek
- ii. Merancang tindakan penyelesaian masalah yang berlaku di tapak projek
- iii. Menghasilkan pelan pembangunan reka bentuk landskap
- iv. Menghasilkan model tiga dimensi pembangunan reka bentuk landskap

Perancangan Pelaksanaan Kajian

Pelaksanaan kajian akan dijalankan menggunakan dua kaedah, iaitu temu bual dan pemerhatian di lapangan. Temu bual dilakukan untuk mendapatkan maklumat sahih lagi terperinci mengenai strategi pembangunan landskap yang diuruskan oleh pihak berkenaan di kawasan kajian. Ia bersesuaian dengan saranan Marsal dan Robinson (2001) yang menyatakan temu bual diperlukan bagi memperoleh maklumat yang dipercayai dan sahih. Temu bual akan dilakukan terhadap pegawai yang bertanggungjawab secara terus dengan pembangunan dan pengurusan taman rekreasi kawasan kajian. Justeru itu, kajian ini menggunakan format soalan berstruktur melibatkan Pegawai Darulaman Realty Sdn.Bhd dan Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP).

Pemerhatian atau kajian lapangan pula akan dilakukan bagi mendapatkan data mengenai penampilan fizikal kawasan kajian dan dilakukan secara berhati-hati serta bebas, tanpa ada pengaruh daripada pihak tertentu. Pemerhatian lapangan dilakukan kerana ia bertepatan dengan pandangan Lee (1976) yang menyatakan bahawa pemerhatian lapangan perlu dilakukan secara terperinci, bebas daripada sifat berat sebelah 'bias' dan berhati-hati untuk menjamin ketulenan dan kesahihan keputusan kajian. Oleh itu, pemerhatian dilakukan secara menurut gerak hati (*intuitive*) dan pengalaman serta pengamatan penyelidik, bukannya atas permintaan atau paksaan daripada sesiapa.

Kajian lapangan dimulakan dengan mencari tapak projek yang berpotensi untuk dibangunkan atau memiliki masalah reka bentuk landskap kritikal yang perlu dijalankan

proses penambahbaikan bagi memberi manfaat kepada masyarakat tempatan selain tujuan komersil. Proses analisa tapak atau *site inventory* akan dijalankan di tapak projek yang dipilih bertujuan mengenalpasti permasalahan yang wujud. Proses ini bertujuan mencari alternatif penyelesaian bagi setiap skop masalah yang dikesan di tapak projek pada peringkat awal. Pemilihan konsep ditetapkan sebagai titik permulaan pencarian idea dan proses mereka bentuk landskap. Pada peringkat ini, tema atau konsep yang dipilih perlu mengambil kira aspek geografi tapak projek, daya tarikan, fungsi kepada masyarakat setempat dan kebaikan pembinaannya dalam menyelesaikan masalah sedia ada serta mencerminkan identiti tempatan. Pecahan tapak atau *form* dilakar bagi memudahkan proses membuat reka bentuk berdasarkan penetapan aktiviti yang relevan dengan konsep yang dipilih.

Pelbagai elemen landskap lembut dan landskap kejur disusun atur mengikut kesesuaian dan kreativiti bagi menonjolkan spesifikasi konsep yang dipilih. Pelan induk atau *master plan* dilakar dengan skala yang sesuai berdasarkan saiz sebenar tapak projek. Pelan ini menjadi teras proses kerja mereka bentuk landskap kerana mempunyai data lengkap seperti penunjuk arah, susun atur elemen serta saiz elemen berskala. Lakaran kemudiannya divisualkan dalam bentuk keratan dan pandangan untuk melihat dengan lebih terperinci aspek susun atur dan penetapan saiz bagi mengelakkan pertindihan elemen yang diplot dalam pelan. Pelan penanaman atau *planting plan* dibuat untuk menetapkan saiz, jenis dan ketinggian pokok yang dipilih. Pelan kemudiannya dilakar dalam bentuk perspektif dua dimensi bertujuan menilai daya kreativiti penyusunan elemen khususnya dalam aspek ruang. Pelan akhirnya sedia dipindahkan dalam bentuk model reka bentuk landskap tiga dimensi yang memberi gambaran siap projek reka bentuk lanskap dalam konteks ruang nyata mengikut perancangan.

Konsep

Kajian yang dijalankan bertujuan membangunkan kawasan ini sebagai taman rekreasi beridentiti bertemakan Taman Penyembuhan “*Healing Garden*” dengan membawa konsep “*Sensational Infinity*” atau infiniti sensasi. Gandingan lestari antara tema dan konsep taman mencetuskan kehebatan atau sensasi yang tiada akhirnya dalam konteks penyembuhan, kelegaan dan keselesaan fizikal dan emosi kepada pengguna taman.

Infiniti bermaksud tiada berkesudahan, tiada berpenamat, tiada maksima dan tiada berpenghujung. Konsep Infiniti dalam kawasan taman memberi motivasi dan dorongan kepada pengguna untuk bersemangat dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan dugaan serta cabaran. Sifat hidup tumbuhan adalah sinonim dengan kehidupan manusia melalui pelbagai badai untuk membesar namun tiupan badai tidak pernah berkesudahan sehingga menemui kematian.

Fungsi taman memberikan kelegaan yang berterusan kepada pengguna melalui ransangan psikologi terhadap lima deria manusia sekali gus memberikan impak kelegaan kepada pengguna terutama bagi golongan yang menghadapi tekanan persekitaran. Aura ransangan ini melibatkan deria rasa, bau, sentuh, lihat dan dengar menerusi reka bentuk landskap lembut serta kejur.

Lima Aspek Deria

Rasa

Terdapat beberapa jenis tanaman yang mempunyai pucuk dan buah yang boleh dimakan seperti gajus dan kedondong ditanam di sini. Suasana bercirikan terapi jelas dimanfaatkan apabila reka bentuk taman menggalakkan aktiviti memetik buah dan makan sambil bersantai kepada pengguna.

Bau

Ransangan bau memainkan peranan penting di taman walaupun tidak dapat dilihat dan tanaman yang mengeluarkan bau wangi berfungsi menarik. Ia mewujudkan suasana harmoni dan menimbulkan perasaan ingin tahu untuk menerokai taman berkenaan. Bunga ros, kemboja, kesidang dan cempaka antara tanaman terpilih mengeluarkan haruman dan boleh didapati di beberapa lot kawasan taman.

Sentuh

Membabitkan sentuhan tumbuhan yang secara tidak langsung memberikan ketenangan sepanjang masa. Ia bagaikan terapi semula jadi. Variasi tumbuhan berbunga yang ditanam dalam taman tidak membahayakan pengguna. Sentuhan antara aspek pembelajaran dan mengenali benda baru khususnya kanak-kanak. Berjalan tanpa kasut di atas rumput atau pasir yang menggambarkan sentuhan semula jadi. Hamparan rumput permaidani yang dijaga rapi juga penting untuk aktiviti santai tanpa kasut.

Lihat

Landskap lembut dan kejur berupaya meransang deria pandang khususnya warna kerana memberikan daya tarikan tersendiri serta memberikan tidak balas emosi. Latar keindahan taman amat penting supaya sejuk mata memandang. Kewujudan pulau di tengah tasik menghidangkan satu perspektif yang indah untuk diamati pengguna khususnya menjelang senja.

Dengar

Deria pendengaran pengguna seakan asyik dibuai ketenangan apabila setiap gerak langkah dalam taman disajikan dengan bunyi percikan air dan kicau burung. Kewujudan tasik buatan dan kolam air berpancuran memainkan peranan utama dalam taman kerana unsur air mempunyai kuasa paling kuat serta mampu merangsang pendengaran dan memberi ketenangan jiwa kepada para pengguna. Ia penting sebagai pendingin aktif dalam kawasan persekitaran dan mengilhamkan kedamaian semula jadi. Jambatan kayu menjadi penghubung antara tasik dan taman. Kayu pula boleh dijadikan kemasan jambatan dalam usaha mengimbangi keindahan asli.

Identiti reka bentuk taman dilestarikan dengan menerapkan nilai-nilai tradisional bagi menzahirkan satu reka bentuk taman rekreasi dengan Wajah Malaysia. Sentuhan tradisional seperti seni ukiran ragam hias dan binaan elemen lanskap kejur berasaskan kayu, rotan dan buluh menampakkan ciri kemelayuan dan perlambangan budaya. Penganjuran aktiviti riadah tradisional seperti permainan gasing dan wau bulan turut menyentuh aspek kebudayaan tempatan.



Gambar 1 Model 3D landscape Sensual Infinity di Bandar Baru Darul Aman, Kedah



Gambar 2 Pelan konsep

Kesimpulan

Kawasan kajian mengaplikasikan pendekatan pembangunan lestari melalui konsep ekopelancongan. Ini merupakan pendekatan terbaik bagi pembangunan landskap taman kerana fokus diberi kepada aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi. Bahkan, pendekatan kelestarian merupakan satu konsep yang menekankan kesepadan dan keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dengan keperluan sosial dan alam sekitar bagi memenuhi keperluan semasa tanpa menjadikan keupayaan memenuhi keperluan pada masa depan.

Memperkenalkan taman rekreasi sebagai destinasi ekopelancongan pula amat bertepatan dengan pendekatan kelestarian yang menekankan aspek-aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial. Ekopelancongan juga mampu mendidik masyarakat untuk memahami dan mempelajari mengenai persekitaran taman dan apa juga bentuk budaya yang wujud serta menikmati landskap, flora dan fauna yang ada. Impak yang minimum ke atas persekitaran dan landskap pula dapat dilakukan lantaran prinsip ekopelancongan yang menekankan pemeliharaan persekitaran. Bahkan, ekopelancongan mampu menyumbang kepada pengekalan spesies tumbuhan selain mendatangkan keuntungan sosioekonomi kepada penduduk setempat.

Namun, satu perkara yang jelas mengenai pembangunan landskap taman rekreasi di kawasan kajian adalah ia dibangunkan tanpa pelan perancangan pembangunan landskap keseluruhan. Umumnya, kawasan tersebut dibangunkan secara mengikut keperluan, kehendak pengguna dan *ad hoc* yang mengakibatkan ketiadaan identiti tersendiri. Hampir semua elemen landskap buatan manusia yang dibina di dalam kawasan taman rekreasi di kawasan kajian pula boleh dikatakan mempunyai persamaan dari segi reka bentuk dan lemah di dalam menampilkan identiti tersendiri, malahan reka bentuknya hampir menyamai seperti mana reka bentuk yang terdapat di dalam kawasan rekreasi sekitar bandar. Oleh itu, pelan bagi setiap lot kawasan taman rekreasi amat wajar disediakan bagi memudahkan pengenalpastian identiti, membuat keputusan dan mengawal selia kawasan.

Selain itu, faktor-faktor perancangan, kerjasama pakar, reka bentuk kemudahan, penglibatan penduduk setempat, pengguna taman dan penyelenggaraan harus diberi perhatian serius apabila merancang, membangun dan mengurus taman rekreasi bagi memastikan kelestarian taman dapat dicapai. Kegagalan mengambil kira faktor-faktor ini boleh menyebabkan pendekatan kelestarian tidak kesampaian yang akhirnya mengalami kegagalan dan terbiar kerana kekurangan pengunjung dan tidak mendapat sokongan masyarakat setempat.

Kekuatan kepada kejayaan pembangunan landskap taman ini boleh dikatakan terletak pada konsep ekopelancongan itu sendiri. Cuma, pembangunannya hendaklah dirancang terlebih dahulu sebelum pembangunan dilaksanakan supaya sumber-sumber landskap semulajadi terus terpelihara dan dapat diharmonikan dengan elemen landskap buatan manusia. Malahan kepatuhan kepada ciri-ciri kelestarian landskap taman yang berkisar kepada aspek persekitaran, ekonomi, penglibatan masyarakat, tadbir urus, estetika dan reka bentuk landskap juga wajar dipertingkatkan oleh pihak-pihak berkaitan bagi memperkuuh usaha untuk mencapai kelestarian sebenar.

Pada masa kini di mana-mana sahaja kita pergi, sama ada di kota besar, tepi laut dan di bandar kita melihat persekitaran fizikal telah banyak berubah. Pelbagai

bentuk landskap identiti dan budaya menyambut kedatangan kita. Semua ini sekadar menyedarkan kita bahawa manusia kini mampu mengatasi halangan persekitaran fizikal dan penyelidik berpendapat bahawa selaras dengan geografi masa semakin banyak landskap budaya yang akan diwujudkan.

Dalam pada itu, landskap identiti dan budaya bukan sekadar memperlihatkan bahawa manusia mampu mengatasi halangan fizikal tetapi lanskap identiti dan budaya juga menjadi ukuran penting dalam melihat kemajuan sesebuah negara khususnya Malaysia.

Dalam konteks sosiologi lanskap identiti dan budaya bukan sekadar memperlihatkan status kemajuan sesebuah kawasan tetapi juga dapat mencerminkan budaya, sosial dan ekonomi penduduk setempat. Oleh yang demikian sememangnya landskap identiti dan budaya mempunyai hubungan dengan penempatan manusia. Malahan Boehm (1996) menyatakan landskap identiti dan budaya mempunyai hubungan kuat dengan antropologi dan arkeologi.

Oleh itu, apa yang kita dapat simpulkan landskap identiti dan budaya merupakan gambaran asas pada struktur sosial, ekonomi dan budaya manusia yang menghuni ruang permukaan bumi seperti Malaysia. Yakni, penempatan manusia merupakan sebahagian daripada landskap budaya itu sendiri dan landskap budaya itu sendiri mempunyai hubungan dengan penempatan yang mencerminkan status sosial, ekonomi dan kebudayaan.

Cadangan pembangunan reka bentuk landskap wajah-wajah Malaysia yang dijalankan dengan tema Taman Penyembuhan dan dilestarikan bersama konsep Infiniti Sensasi ini jelas menghuraikan nilai, identiti dan budaya masyarakat di negara ini melalui setiap idea reka bentuk elemen landskap lembut dan kejur dan diperincikan lagi dengan pakej aktiviti bersifat tradisi dan kerakyatan yang dikhaskan. Setiap nilai dan ilham rekaan menitikberatkan aspek keselamatan, kesejagatan, kepuasan dan terapi kepada para pengguna seluruh lapisan masyarakat dan terhindar daripada kongkongan nilai sesuatu budaya sahaja.

Rujukan

- Acquaah, G. (2005). *Horticulture: Principles and practices*. Upple Sadale River, New Jersey 07458: Pearson Education Inc.
- Bertauski, T. (2003). *Plan graphics for the landscape designer*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Blake, J. (1999). *An introduction to landscape design and construction*. England: Grower Publishing Limited.
- Booth, N.K. (1983). *Basic elements of landscape architecture design*. New York: Elsevier Science Publishing Co, Inc.
- Clifton, J & Wooster, S. (2002). *Courtyard & terrace garden: Inspirational design for outdoor living*. Cornell University: Aquamarine.
- Duin, L. (2009). *The urban project: Architectural intervention in urban areas*. IDS Press.
- Hannebaum, L. (1990). *Landscape design: A practical Approach*. New Jersey: Prentice – Hall Inc.
- Leverett, B. (1990). *Water gardens*. Ramsbury, Malborough: The Crowood Press Ltd.
- Littlewood, M. (1997). *Landscape detailing: Structures*. Great Britain: Reed Educational and Professional Publishing Ltd.

- Marcus, C.C. (1999). *Healing garden: Therapeutic benefits and design recommendations.* New York: John Wiley & Sons.
- Newbury, T. (2001). *Patios and courtyards.* Madison: Dorling Kindersley.
- Nik Ismail Azlan. (2011). *Grafik asas seni bina landskap.* Shah Alam: Landscape Plus.
- Preiser, W.P.E. (2012). *Enhancing building performance.* New York: John Wiley & Sons.
- Robinson, N. (2004). *The planting design handbook.* England: Ashgate Publishing Limited.
- Rubenstein, H.M. (1996). *A guide to site planning and landscape construction.* New York: John Wiley & Sons.
- Simonds, J.O. (1983). *Landscape architecture: A manual of site planning and design.* University of Michigan: Mc Graw – Hil.
- Williams, S. (1995). *Outdoor recreation and the urban environment.* Routledge.